

23 OCT 1998

MAHATHIR-PERNIAGAAN/I

BELANJAWAN `99 UTK SOKONG PERNIAGAAN, KATA PM

Oleh: Arshi Mohd Daud

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Pertama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Belanjawan 1999 adalah bertujuan untuk memudahkan pemulihan sektor swasta.

"Kami menyokong perniagaan daripada segenap segi. Kami mahu mereka mengaut keuntungan dan tidak mahu mereka dibebani dengan cukai, pinjaman tidak berbayar dan perkara lain berkaitan," katanya kepada sidang akhbar selepas menyampaikan Belanjawan di Parlimen di sini.

Dr Mahathir berkata kerajaan mahu perniagaan meraih keuntungan agar kerajaan tidak perlu lagi membentangkan belanjawan defisit di masa depan.

Belanjawan itu, antara lainnya mengandungi beberapa insentif cukai bagi syarikat dagangan, firma amanah saham, pekilang, syarikat insurans hayat dan syarikat berkaitan pelancongan.

"Seperti yang saya sering tekankan kepada rakyat....apabila perniagaan mengaut keuntungan, 28 peratus akan menjadi milik kerajaan. Apabila mereka rugi seperti pada tempoh enam bulan pertama tahun ini, kerajaan akan mengalami defisit," katanya.

Perdana Menteri berkata oleh kerana kerajaan terpaksa membentangkan belanjawan defisit pada 1999, bonus tidak dapat diberikan kepada kakitangan kerajaan, sambil menambah tidak wajar bagi kerajaan untuk membayar bonus berasaskan kepada wang yang dipinjam.

"Tiada bonus (bagi 1999) tetapi ia bukan kerana kami tidak mahu memberikannya. Kami menghargai perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan kerajaan tetapi kami tidak mempunyai wang." tambahnya.

Dr Mahathir juga menjelaskan pengecualian cukai pendapatan bagi 1999 adalah untuk cukai individu dan korporat,

Bagaimanapun, ini tidak bermakna kerajaan kehilangan wang atau melepaskan satu sumber pendapatannya.

Ini adalah kerana asas bagi pentafsiran cukai pendapatan akan berubah kepada tahun semasa daripada tahun 2000 ke hadapan daripada asas-asas tahun sebelumnya seperti yang diamalkan sekarang.

Beliau berkata mudah untuk menukar tahun asas kepada semasa apabila sesebuah syarikat mengalami kerugian dalam tahun sebelumnya, seperti dalam pentafsiran semasa, sukar bagi syarikat itu untuk membayar cukai.

-- BERNAMA

AD ZK MA